

PBS tidak lindungi rakyat: PM

B.H 31 MAY 1993

②

KOTA KINABALU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyalakan slogan 'Sabah untuk orang Sabah' yang kerap dilaungkan oleh pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) bermaksud kerajaan parti itu tidak mahu mana-mana pihak terutamanya Kerajaan Pusat mengawasi pentadbiran mereka terhadap negeri ini.

Menurut Perdana Menteri, dengan berselindung di sebalik slogan itu, pemimpin PBS mahu bertindak sewenang-wenangnya terhadap pemerintahan Sabah, bukannya melindungi kepentingan rakyat.

Berucap merasmikan Pesta Kaamatan (Pesta Menuai) peringkat negeri anjuran Umno di Dewan

Foo Chow di sini hari ini, Dr Mahathir berkata perayaan berkenaan bukan lagi disambut oleh kaum tertentu tetapi membabitkan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, ada golongan di Sabah masih mahu menjadikan perayaan itu khusus untuk kaum tertentu saja tanpa mengundang atau membabitkan masyarakat lain terutamanya Kerajaan Pusat.

Katanya, tradisi sambutan sesuatu perayaan membabitkan semua lapisan masyarakat patut dikekalkan untuk mewujudkan perpaduan kaum yang lebih bermakna.

Beliau berkata, hanya melalui perpaduan rakyat negara ini dapat meng-

capi pembangunan dan kemakmuran negara serta berkongsi dengan penduduk di negeri lain.

Sebagai contoh, katanya, masyarakat tradisi sangat bergantung kepada hasil tanaman dan kehidupan mereka akan terjejas jika tanaman tidak menjadi.

Di majlis itu, Perdana Menteri memotong tangkai padi sebagai lambang menuai tanaman berkenaan yang baru dilakukan oleh pesawah di negeri ini.

Sambutan itu memabitkan persembahan kebudayaan pelbagai suku di Sabah. Ia adalah anjuran Jawatankuasa Khas Kadazan/Dusun dan Murut, Umno Sabah dan disiarkan secara langsung oleh RTM.